



**KENYATAAN AKHBAR MENTERI
KESIHATAN MALAYSIA**

**LAWATAN KE LOKALITI HOTSPOT OLEH
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
25 MAC 2015**

Dari pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada minggu ke sebelas tahun 2015, iaitu bagi tempoh 16 Mac sehingga 21 Mac 2015, sejumlah 2,006 kes demam denggi telah dilaporkan berbanding 2,275 kes pada minggu sebelumnya, iaitu pengurangan sebanyak 34%. Jumlah kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan dari Januari sehingga 21 Mac adalah sebanyak 30,890 kes, berbanding hanya 21,967 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun lepas, berlaku peningkatan sebanyak 40.6% atau 8,923 kes. Negeri Selangor merupakan penyumbang utama kepada kes demam denggi iaitu 58% daripada kes keseluruhannya. Manakala bagi tempoh yang sama, jumlah kematian denggi yang dilaporkan adalah 98 kematian, berbanding hanya 54 kematian pada tempoh yang sama tahun lepas, iaitu peningkatan sebanyak 81.5%

KKM telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mengurangkan kejadian kes pada masa ini. Salah satu tindakan bersepadu yang dilakukan ialah menjalankan aktiviti penguatkuasaan iaitu Ops Gempur Aedes di tapak binaan pada 10 Februari hingga 14 Mac 2015 di negeri Selangor. Hasil daripada Ops Gempur Tapak Binaan yang telah dijalankan oleh KKM sebanyak 111 tapak binaan telah diperiksa dan 95 tapak binaan mempunyai pembiakan nyamuk Aedes dan kesemuanya akan didakwa di mahkamah.

Sebanyak 80 tapak binaan telah diarahkan tutup untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan.

Selain itu langkah kawalan yang baru telah dilaksanakan iaitu teknik semburan dalam kawalan nyamuk Aedes iaitu Outdoor Residual Spray (ORS). Sebanyak 71 kawasan hotspots telah dilaksanakan semburan ORS sejak ianya dimulakan pada 11 Februari 2015 di daerah Petaling, Hulu Langat, Gombak dan Klang. Daripada 71 hotspot yang telah dibuat semburan ORS sebanyak 70 telah menunjukkan pengurangan kes diantara 28 ke 95 % di lokaliti tersebut .Bagi tempoh sama lokaliti wabak dan hotspot terutamanya di Selangor berkurang daripada 11 Februari 65 lokaliti kepada 25 lokaliti pada 24 Februari 2015.

Untuk mengekang tren peningkatan denggi pada masa ini, komitmen daripada semua pihak amatlah diperlukan. Periksa kawasan dalam dan luar rumah 10 minit setiap minggu .Tiada aedes tiada denggi.

**YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

25 Mac 2015

**LOKALITI WABAK DAN HOTSPOT DENGGI
(SEHINGGA 22 MAC 2015)**

NEGERI	JUMLAH WABAK	JUMLAH HOTSPOT
PERLIS	1	0
KEDAH	1	0
PENANG	12	1
PERAK	94	32
SELANGOR	546	180
WPKL & PUTRAJAYA	17	0
NEGERI SEMBILAN	5	0
MELAKA	8	0
JOHOR	37	0
PAHANG	9	0
TERENGGANU	2	0
KELANTAN	4	0
SARAWAK	17	1
SABAH	25	8
LABUAN	0	0
JUMLAH	778	222

Sumber: eDengue